



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN SARAAN
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2
63000 CYBERJAYA, SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel. : 03-83164000
Faks. : 03-83201984/03-83201981
03-83201980/03-83201979/03-83201985
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA. SARAAN(S)63/1/1-1Klt.4(So)
Tarikh : 29 Mei 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/ Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENJELASAN MENGENAI KELAYAKAN ELAUN BERIKUTAN PELAKSANAAN
KENAIKAN GAJI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI
BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, Kerajaan telah bersetuju melaksanakan pemberian kenaikan gaji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Surat Pelaksanaan JPA.SARAAN256/24/1-1Jld.2 bertarikh 30 Mac 2012 untuk Angkatan Tentera Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

3. Sehubungan itu, berikutan pelaksanaan kenaikan gaji tersebut yang telah dikebelakangkan, elaun dan bayaran insentif yang dibayar kepada pegawai berdasarkan gaji pokok hendaklah diselaraskan mengikut gaji baru SSM yang ditambah baik mulai 1 Januari 2012. Elaun dan bayaran insentif yang terlibat adalah Bayaran Insentif Wilayah, Bayaran Lebih Masa, Bayaran Insentif Pedalaman, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Subjek Pendidikan, Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak atau Labuan, Elaun Gangguan, Elaun Pemangkuan dan Elaun Penanggungungan Kerja.

...2/-

4. Walau bagaimanapun, pelarasan kadar tidak boleh dibuat bagi elaun yang dibayar di bawah kriteria bayaran balik perbelanjaan seperti Elaun Perjalanan Kenderaan, Elaun Makan dan Elaun Lojing.

5. Pemakaian surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(**RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD**)
Pegawai Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: YBhg. Dato' Noorizan binti Shafie)

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Lot 2G1A
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1 - 5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 PUTRAJAYA